

# PM jamin selesai isu pengagihan

JADI bualan dalam kalangan netizen apabila isu pengagihan gas antara PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) dikatakan gagal mendapatkan keputusan muktamad.

Apa yang tidak sedap didengar, ada yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sengaja mahu mengganggu pendapatan PETRONAS dan lebih mengutamakan PETROS.

Kata mereka, PETRONAS lebih sinonim dengan negeri pembangkang iaitu sumber petroleum dari Terengganu dan Kelantan, manakala PETROS dari Sarawak berada di bawah kerajaan MADANI.

Memetik kata Anwar, beliau percaya isu berkaitan PETRONAS dan PETROS mengenai hak pengagihan gas di Sarawak telah diselesaikan menerusi beberapa siri rundingan termasuk pertemuan beliau dengan Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata, tidak ada kemusykilan dalam perkara-perkara

dasar yang perlu dicurigakan kerana Akta Kemajuan Petroleum (PDA) 1974 terpakai untuk seluruh negara dan perkara itu diterima kerajaan negeri Sarawak dan PETROS.

"Tetapi kita (Kerajaan Persekutuan) terima juga kenyataan PETROS diwujudkan untuk beri peluang kepada Sarawak meneroka program, cari gali dan pengagihan gas di Sarawak, kata beliau kepada wartawan Malaysia pada sidang media di akhir lawatan beliau ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Dalam pada itu Anwar juga berkata, Ordinan Pengagihan Gas 2016 Sarawak tidak akan menggantikan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Perlembagaan Persekutuan serta Undang-undang Persekutuan lain, justeru, kedudukan PETRONAS kekal tidak terjejas.

Beliau berkata, sejak kebelakangan ini wujud suara-suara yang menyatakan kebimbangan mengenai hubungan PETRONAS dan PETROS, serta ada beberapa siri perbincangan melibatkan Peguam

Negara yang turut melibatkan kedua-dua entiti tersebut.

Anwar berkata, pada Januari 2025, beliau bertemu Premier Sarawak dan mereka telah menyelesaikan isu pengagihan gas di Sarawak.

"PDA 1974 terus akan diterima sebagai rangka kerja komprehensif bagi tadbir urus industri minyak dan gas di Malaysia. Keputusan kita, semua perjanjian yang telah termeterai tidak diganggu dan jika diganggu akan mempersulit hubungan dengan syarikat besar antarabangsa, ini telah diterima," kata beliau.

Anwar berkata, walaupun telah diberikan kepada PETROS untuk menjadi agregator gas dari segi kuasa perundangan namun PETROS turut memperakui tidak akan mengganggu perjalanan sedia ada PETRONAS.

"Ini sama seperti PETRONAS yang ada kuasa di seluruh negara tetapi beri laluan, pengecualian kepada Sarawak dalam bidang pengagihan gas untuk keperluan dalam negeri

Inilah bidang kerjasamanya.

"Ada perbincangan (mengenai) inisiatif baharu yang diambil Premier Abang Johari. Sama seperti PETRONAS lakukan tidak pernah ada sikap kecualikan mana-mana. PETRONAS (untuk projek) di Sarawak akan libatkan PETROS, dan PETROS kalau terlibat usaha cari gali dan usaha lain termasuk hidrogen, kalau di wilayah Malaysia, akan libatkan PETRONAS," kata beliau.

Anwar berkata, beliau tidak fikir ada masalah lain dalam keputusan itu kerana rundingan bagi projek lain adalah rundingan komersial.

Dasar kita terima, hormati hak PETRONAS dan hak PETROS dalam beberapa hal di Sarawak," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, tidak seharusnya ada kebimbangan untuk memberi ruang kepada PETROS sebagai agregator gas tunggal di Sarawak kerana sebarang projek berkaitan termasuk yang membabitkan pembiayaan syarikat besar pasti melibatkan PETRONAS di Sarawak.